

Headline	Pasukan UiTM kuasai bola jaring, futsal		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	02 Jan 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	138,805
Page No	V15	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	588 cm ²
Journalist	Diyannah Anuar	AdValue	RM 19,907
Frequency	Daily	PR Value	RM 59,721



Pasukan **UiTM** kuasai bola jaring, futsal



Salmah menyampaikan cenderahati kepada Zailudin pada majlis penyampaian hadiah Karnival Futsal dan Bola Jaring TaHa@U di kampus UiTM Perlis di Arau. FOTO HAFIZUDIN MOHD SAFAR / BH



Pasukan UiTM yang memenangi kejohanan futsal.



Ahmad Hapizudin bersalaman dengan peserta acara futsal bersempena dengan Karnival Futsal dan Bola Jaring Kelah TaHa@U anjuran TH dan BH di UiTM Perlis.

Oleh Diyanah Anuar
diyanah@bh.com.my
Arau

Kumpulan UiTM Warriors dan UiTM D mengungguli pertandingan bola jaring dan futsal dalam Karnival Futsal dan Bola Jaring TaHa@U yang diadakan di Kompleks Sukan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Perlis, di sini, baru-baru ini.

Karnival itu disertai lebih 20 pasukan bola jaring dan futsal dari UiTM Perlis, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Kolej Matrikulasi Perlis, Kolej Poly-Tech MARA Alor Setar, Universiti Utara Malaysia (UUM) serta Kolej Antarabangsa Teknologi dan

Profesional (KATPM) Perlis. Sebagai juara pertandingan bola jaring, UiTM Warriors menerima wang tunai RM2,500 dan tempat kedua, pasukan dari UniMAP menerima RM1,800 manakala tempat ketiga, Kolej Matrikulasi Perlis memperoleh RM1,000.

Bagi pasukan yang menjuarai pertandingan futsal, iaitu pasukan UiTM D, mereka menerima wang tunai RM2,500 manakala pemenang tempat kedua, pasukan Plexus (UiTM Perlis) menerima RM1,800 dan tempat ketiga, UiTM C (UiTM Perlis) menerima RM1,000.

Kapten pasukan UiTM D, Mohd Muaz Mohd Shaari, 20, berkata, disiplin pemain dan kegigihan pasukannya menjalani latihan hampir setiap hari ialah antara faktor yang menyumbang kepada keme-

nangan mereka dalam pertandingan itu.

"Kami harap lebih banyak karnival yang mengumpulkan penuntut dari pelbagai IPT seperti ini dapat diadakan pada masa akan datang kerana ia boleh menjadi medan untuk penuntut seperti kami berinteraksi secara sihat menerusi sukan," katanya.

Berihadah Sementara itu, kapten pasukan juara pertandingan bola jaring, UiTM Warriors, Nor Mastura Mohamed, 23, berkata penyertaan beliau dan rakan sepasukan membolehkan mereka menambah kenalan dan mengasah kemahiran serta teknik bermain bola jaring.

"Lagipun, aktiviti sebe-

gini suatu pengisian waktu yang baik untuk cuti semester yang baru bermula.

"Selain berihadah dengan rakan sebaya dari institusi pengajian tinggi (IPT) lain, hadiah wang tunai yang dimenangi ini juga boleh kami gunakan untuk membeli peralatan atau kelengkapan pasukan bola jaring," katanya.

Penganjuran karnival ini sebahagian daripada program anjuran BH dan Kelab TaHa@U bertujuan mendedah penuntut universiti kepada kegiatan kemasyarakatan serta aktiviti yang membantu membentuk sahsiah dan kecemerlangan mereka.

Semangat kesukanan Rata-rata penuntut yang menyertai karnival ini menunjukkan semangat kesukanan yang tinggi dan menjadikan program ini sebagai medan mengeratkan persahabatan antara penuntut kolej dan universiti lain.

Timbalan Pengarah Tabung Haji (TH) Perlis, Ahmad Hapizudin Abas dalam ucapannya ketika majlis penutup karnival berkata, program kemasyarakatan dan juga riadah menerusi TaHa@U antara pelaksanaan tanggungjawab sosial TH kepada penuntut universiti.

"TH berharap setiap program yang dilaksanakan

menerusi TaHa@U dapat membangunkan modal insan di kalangan penuntut.

"Pertandingan sukan seperti dalam karnival ini juga secara tidak langsung mencungkil bakat sukan penuntut yang mungkin boleh diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi," katanya yang turut menyampaikan hadiah wang tunai, sijil serta piala iringan kepada pemenang.

Turut hadir dalam majlis berkenaan ialah Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar UiTM Perlis, Zailudin Ariffin dan Ketua Unit Pembangunan Perniagaan Jabatan Pengedaran NSTP, Salmah Hanim Hares.